

Persiap bot gentian kaca hadapi banjir

PERMAISURI: Pengalaman berdepan musim banjir mendorong sebahagian penduduk Tasek, dekat sini, mengambil langkah berjaga-jaga dalam menghadapi bencana itu.

Penduduk, Leha Japar, 32, berkata, dengan pemberian bot gentian kaca oleh pengurusan kampungnya tiga tahun lalu memudahkan mereka sekeluarga berpindah sekiranya banjir melanda.

Menurutnya, bot gentian kaca itu digunakan untuk berpindah ketika banjir namun dalam keadaan air yang tidak dalam dan masih boleh ditarik oleh seseorang



CUCI...Leha (kiri) memastikan bot gentian kaca dapat digunakan ketika menghadapi musim banjir.

untuk ke pusat pemindahan.

“Bagaimanapun, sekiranya air naik mendadak dan

dalam, saya sekeluarga tetap memerlukan pasukan keselamatan kerana bot terbabit sudah tidak boleh ditarik

oleh seseorang dari arah depan.

“Pengalaman berdepan situasi banjir setiap tahun mematangkan penduduk di kampung ini dalam membuat persiapan bagi menghadapinya,” katanya.

Menurutnya, kemudahan bot itu amat tinggi nilainya walaupun digunakan hanya sekali setahun namun dengan bot itu juga penduduk yang menerimanya dapat menyelamatkan diri ketika banjir.

Ibunya, Fatimah Hamzah, 65, berkata, dengan adanya bot gentian kaca itu dapat mempercepatkan proses pemindahan.